BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 04/04/41 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Rabu, 28 April 2004

Maklumat Utama Siaran Akhbar Mac 2004

Aktiviti sektor swasta kekal kukuh dicerminkan oleh trend penunjuk monetari yang lebih tinggi dalam persekitaran inflasi yang rendah pada bulan Mac

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran inflasi yang rendah. Penunjuk monetari memperlihatkan trend yang lebih tinggi pada bulan Mac, mencerminkan keadaan permintaan dalam negeri yang menggalakkan. Jumlah permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing meningkat pada kadar tahunan sebanyak 24.9% dan 27.6%. Pemberian pinjaman kepada PKS kekal kukuh dengan sejumlah RM2.6 bilion diluluskan kepada 7,641 akaun PKS. Baki urus niaga yang lebih tinggi, pemberian pinjaman bank yang kukuh dan operasi luar negeri yang mengembang menyebabkan pertumbuhan bekalan wang meningkat. Kesemua agregat monetari, M1, M2 dan M3 masing-masing meningkat pada kadar tahunan sebanyak 19.8%, 12.6% dan 10.7% pada akhir bulan Mac.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 04/04/41 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Rabu, 28 April 2004

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN MAC 2004

Penunjuk monetari meningkat pada bulan Mac dalam persekitaran inflasi yang rendah

Penunjuk monetari memperlihatkan trend yang lebih tinggi pada bulan Mac, mencerminkan aktiviti sektor swasta yang bertambah kukuh. Peningkatan pinjaman bank, pengembangan operasi luar negeri serta peningkatan aktiviti pasaran saham menyumbang kepada pertumbuhan M1, M2 dan M3 yang lebih tinggi dengan masing-masing mencatat kadar tahunan sebanyak 19.8%, 12.6% dan 10.7% pada akhir bulan Mac. Jumlah permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing meningkat pada kadar tahunan sebanyak 24.9% dan 27.6%. Pemberian pinjaman kepada PKS kekal kukuh dengan sejumlah RM2.6 bilion diluluskan kepada 7,641 akaun PKS. Sementara itu, keadaan sistem perbankan bertambah baik sebagaimana dicerminkan oleh nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) bersih yang lebih rendah sebanyak 6.7% pada akhir bulan Mac 2004.

Kadar faedah secara keseluruhan kekal tidak berubah

Kadar faedah antara bank secara keseluruhan kekal tidak berubah pada bulan Mac. Keadaan mudah tunai sistem perbankan juga kekal stabil berikutan mudah tunai tambahan diserap oleh Bank Negara Malaysia.



Kadar antara bank secara keseluruhan kekal tidak berubah



Keadaan pasaran wang kekal stabil



Pertumbuhan deposit yang tinggi menyebabkan nisbah pembiayaan-deposit menyederhana kepada 89.2%

Dalam pasaran runcit, kadar pemberian pinjaman purata (ALR) menurun sedikit. ALR bank perdagangan menurun sebanyak 3 mata asas kepada 6.10% pada akhir bulan Mac (6.13% pada akhir bulan Februari). ALR syarikat kewangan mempamerkan penurunan yang lebih besar sebanyak 6 mata asas kepada 8.95% pada akhir bulan Mac (9.01% pada akhir bulan Februari). Komposisi pinjaman baru yang bertambah besar dengan penetapan harga pada kadar yang lebih rendah menyumbang kepada penurunan ALR.



ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan menurun

Sehingga 15 April 2004, kadar deposit tetap nominal bank perdagangan dan syarikat kewangan untuk tempoh matang 1 - 12 bulan kekal stabil pada kadar antara 3 - 3.7%.



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Feb 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
Mac 04	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70
15 Apr 04	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70

Kadar faedah deposit tetap bank perdagangan kekal stabil...

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Feb 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70
Mac 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
15 Apr 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70

... begitu juga syarikat kewangan

Kaedah Faedah Benar Deposit Tetap 3 Bulan



Kadar faedah deposit tetap benar bagi 3 bulan menurun sedikit

Prestasi ringgit

Pada bulan Mac, pergerakan ringgit berbanding mata wang utama adalah bercampur-campur dengan ringgit naik nilai berbanding euro (+1.7%) dan paun sterling (+1.7%) tetapi susut nilai berbanding yen Jepun (-4.5%). Dolar AS lebih kukuh pada bulan Mac, dipengaruhi terutamanya oleh indeks perkhidmatan *Institute of Supply Management* yang lebih tinggi dan pertambahan pekerjaan yang lebih kukuh daripada jangkaan pada bulan Mac. Sebaliknya, euro terjejas akibat jangkaan kemungkinan berlakunya penurunan kadar faedah di Eropah. Paun sterling menyusut nilai berikutan reaksi pasaran kepada data dagangan UK yang berada di bawah jangkaan. Walau bagaimanapun, yen terus kukuh berbanding kesemua mata wang utama lain pada sepanjang bulan, mencerminkan terutamanya pemulihan ekonomi Jepun yang semakin mantap.

Ringgit juga menunjukkan trend yang bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit naik nilai berbanding rupiah (+1.5%) dan baht (+0.4%) tetapi susut nilai berbanding won Korea (-2.5%), dolar Singapura (-1.4%) dan peso (-0.2%). Mata wang rupiah terus menunjukkan trend menurun berikutan kebimbangan tentang keselamatan dan ketidakpastian di Indonesia ekoran pilihan raya parlimen yang akan berlangsung pada bulan April. Pengukuhan mata wang won disebabkan oleh data perdagangan yang positif dan aliran masuk ekuiti yang menggalakkan.

Pada tempoh 1 - 27 April, dolar AS dan seterusnya ringgit naik nilai berbanding hampir kesemua mata wang. Dolar AS yang disokong oleh data ekonomi yang menggalakkan terus kukuh pada tahapnya yang tertinggi lebih dari lima bulan berbanding euro, meningkat nilai melebihi paras ASD1.20.





Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM per mata wang asing	Akhir tempoh			% Perubahan			
	02 Sep 98	Mac 04	27 Apr 04	Mac 04	Akhir Mac 04 - 27 Apr 04	Akhir Dis 03 - 27 Apr 04	02 Sep 98 - 27 Apr 04
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.6522	4.5019	1.7	3.3	6.1	-
Paun sterling	6.3708	6.9667	6.7893	1.7	2.6	-0.3	-6.2
100 yen Jepun	2.7742	3.6334	3.4986	-4.5	3.9	1.6	-20.7
Dolar Singapura	2.1998	2.2633	2.2406	-1.4	1.0	-0.3	-1.8
100 baht Thai	9.3713	9.6239	9.5960	0.4	0.3	0.0	-2.3
100 peso Filipina	8.8302	6.7580	6.8370	-0.2	-1.2	0.1	29.2
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0442	0.0441	1.5	0.4	1.8	-19.7
100 won Korea	0.2827	0.3308	0.3298	-2.5	0.3	-3.6	-14.3

Inflasi kekal rendah

Kadar inflasi tahunan yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100), kekal rendah pada kadar 1% pada bulan Mac (0.9% pada bulan Februari). Peningkatan harga makanan yang lebih tinggi di samping minuman dan tembakau mengimbangi sebahagian daripada penurunan harga pakaian dan kasut. Peningkatan harga pengangkutan dan perhubungan juga lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pelarasan harga petrol yang telah dilaksanakan pada bulan Mac 2003.



Kadar inflasi tahunan kekal rendah pada kadar 1%

Harga pengeluar meningkat

Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100) meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4% pada bulan Februari (2.7% pada bulan Januari), mencerminkan terutamanya harga komoditi yang lebih tinggi, khususnya getah, minyak sawit

mentah dan minyak mentah. Tidak termasuk produk yang berkaitan komoditi, IHPR terlaras meningkat pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 2% (1.5% pada bulan Januari).



Harga pengeluar meningkat

Agregat monetari meningkat

Bekalan wang meningkat pada bulan Mac sejajar dengan aktiviti sektor swasta yang lebih kukuh. Mengikut asas tahunan, ketiga-tiga agregat monetari meningkat dengan M1, M2 dan M3 masing-masing berkembang sebanyak 19.8%, 12.6% dan 10.7% pada akhir bulan Mac (masing-masing sebanyak 15.8%, 11% dan 9.7% pada akhir bulan Februari). Pertumbuhan yang tinggi dalam M1 mencerminkan permintaan yang lebih kukuh bagi baki urus niaga dan perolehan yang tinggi dalam pasaran ekuiti. Sementara itu, wang secara luas M3 meningkat sebanyak RM8 bilion mencerminkan operasi luaran yang berkembang dan pembiayaan sistem perbankan yang lebih tinggi kepada sektor swasta.



Bekalan wang memperlihatkan trend yang lebih tinggi mengikut asas tahunan

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 04	**Feb 04**	**Mac 04**	**Jan - Mac 04**
M3	5.2	5.9	8.0	19.1
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	1.8	-5.9	-1.9	-6.0
Tuntutan ke atas sektor swasta	0.5	1.8	1.8	4.1
Operasi luar bersih *	12.6	9.3	11.4	33.3
Pengaruh lain	-9.8	0.7	-3.2	-12.4

* Sebelum penilaian semula

Deposit sistem perbankan meningkat

Jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM11.1 bilion atau pada kadar tahunan 10.9% pada bulan Mac (9.6% pada bulan Februari). Peningkatan ini mencerminkan terutamanya simpanan perusahaan perniagaan yang lebih tinggi disebabkan oleh prestasi luar negeri yang bertambah baik.

Deposit Mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 04	**Feb 04**	**Mac 04**	**Jan - Mac 04**
Kerajaan Persekutuan	-533	-37	925	355
Kerajaan Negeri	-254	298	227	271
Badan Berkanun [1]	-1,026	371	-557	-1,212
Institusi Kewangan	-701	1,736	2,564	3,599
Perusahaan Perniagaan	-868	2,896	4,902	6,929
Individu	4,086	2,220	2,234	8,540
Lain-lain [2]	-505	731	826	1,053
Jumlah	200	8,215	11,121	19,535

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Penyimpanan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan...

Deposit Mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 04	**Feb 04**	**Mac 04**	**Jan - Mac 04**
Deposit tetap	2,486	5,151	639	8,276
NID	-1,200	-400	1,938	338
Deposit permintaan	-1,559	1,781	1,804	2,026
Deposit tabungan	1,604	593	57	2,254
Perjanjian beli balik (Repo)	524	-843	5,207	4,889
Deposit mata wang asing	-968	409	-627	-1,186
Deposit SPI	-483	1,033	1,553	2,103
Lain-lain	-204	491	548	835
Jumlah	200	8,215	11,121	19,535

...terutamanya dalam bentuk repo

Pembiayaan sektor swasta lebih tinggi

Jumlah pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pembiayaan melalui pasaran modal adalah lebih tinggi iaitu berjumlah RM44.7 bilion (RM33.5 bilion pada bulan Februari). Nisbah deposit pembiayaan sistem perbankan menyederhana kepada 89.2% pada akhir bulan Mac disebabkan oleh peningkatan yang lebih besar dalam deposit (90.5% pada akhir bulan Februari).



Pembiayaan kasar kepada sektor swasta lebih tinggi

Kesemua penunjuk pinjaman utama sistem perbankan[1] adalah lebih tinggi pada bulan Mac. Jumlah permohonan dan kelulusan pinjaman adalah lebih tinggi, masing-masing meningkat pada kadar tahunan sebanyak 24.9% dan 27.6% kepada RM23.8 bilion dan RM16.5 bilion (masing-masing meningkat sebanyak RM17.6 bilion dan RM10.9 bilion pada bulan Februari). Pinjaman yang dikeluarkan juga lebih tinggi sebanyak RM42.6 bilion (RM32.8 bilion pada bulan Februari) iaitu meningkat pada kadar tahunan sebanyak 21.6% (19.7% pada bulan Februari). Sebahagian besar daripada pemberian pinjaman disalurkan kepada sektor perniagaan (68.1% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan), terutamanya sektor perkilangan (32.6% daripada jumlah pengeluaran kepada sektor perniagaan), perniagaan borong dan runcit, restoran dan hotel (23.4%) dan perkhidmatan kewangan, insurans serta perniagaan (15.6%). Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah kekal tinggi dengan pinjaman yang berterusan bagi tujuan pembelian harta kediaman (30.4% daripada pengeluaran kepada sektor isi rumah), kad kredit (25.1%) dan pembelian kereta penumpang (20.7%). Mengikut asas tahunan, pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 5.7% (5.1% pada akhir bulan Februari).

[1] Merujuk kepada jumlah permohonan pinjaman, jumlah kelulusan pinjaman, jumlah pinjaman yang dikeluarkan, jumlah pembayaran balik pinjaman dan jumlah pinjaman terkumpul.



Kesemua penunjuk pinjaman utama sistem perbankan lebih tinggi pada bulan Mac



Pengeluaran pinjaman lebih tinggi meliputi kesemua sektor utama

Sejajar dengan trend yang lebih tinggi dalam keseluruhan penunjuk pinjaman, pemberian pinjaman kepada PKS juga lebih tinggi pada bulan Mac dengan jumlah sebanyak RM2.6 bilion diluluskan kepada 7,641 akaun PKS (RM1.8 bilion diluluskan kepada 5,828 akaun PKS pada bulan Februari). Jumlah pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat pada bulan Mac sebanyak RM370 juta atau pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.3% pada akhir bulan Mac (5.4% pada akhir bulan Februari). Pemberian pinjaman kepada PKS terus mencakupi bahagian yang besar dalam pinjaman sistem perbankan. Pada akhir bulan Mac, pinjaman terkumpul kepada PKS mencakupi 38% daripada pinjaman perniagaan terkumpul dan 16.9% daripada jumlah pinjaman terkumpul.

Terbitan sekuriti hutang swasta baru yang lebih tinggi

Terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) adalah lebih besar pada bulan Mac (RM3.3 bilion) terutamanya untuk aktiviti baru. Walaupun terbitan PDS lebih besar,

ia telah diimbangi oleh penebusan yang lebih tinggi terutamanya penebusan oleh Danaharta yang menghasilkan penebusan bersih sebanyak RM2.3 bilion. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti adalah lebih tinggi sebanyak RM372 juta terutamanya melalui terbitan hak (RM195.5 juta) dan enam tawaran awam awal (RM146.1 juta). Dalam sektor awam, Kerajaan memperoleh RM5 bilion daripada terbitan semula sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) 1/04 sementara penebusan SKM berjumlah RM5.5 bilion. Secara keseluruhan, pasaran modal mencatat kedudukan penebusan bersih sebanyak RM2.4 bilion pada bulan Mac.



Terbitan baru yang lebih tinggi diimbangi oleh penebusan

Meskipun kebanyakan pasaran ekuiti utama dan serantau merosot pada bulan Mac, IK BSKL meningkat sebanyak 2.6% kepada 901.86 mata pada akhir bulan Mac berbanding akhir bulan Februari. Harga saham dipengaruhi terutamanya oleh sentimen yang positif berhubung pilihan raya umum yang diadakan pada 21 Mac. Unjuran positif prospek pertumbuhan ekonomi 2004 yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia juga menyumbang kepada sentimen pelabur yang baik. Permodalan pasaran adalah lebih tinggi pada tahap RM724.2 bilion (+1.5% semenjak akhir bulan Februari) dan purata urus niaga harian bagi bulan tersebut berjumlah 647 juta unit (-12.7% daripada bulan Februari).



IK BSKL merosot 1.2% dalam tempoh antara 1 Mac – 27 April 2004

Pada tiga minggu pertama bulan April, pasaran terus merosot disebabkan ketiadaan petunjuk baru. Pada penghujung bulan, pasaran menurun sedikit disebabkan oleh kemunculan semula kes SARS di China. Pada 27 April 2004, IK BSKL ditutup pada 868.32 (-3.7% semenjak akhir Mac). Permodalan pasaran adalah lebih rendah pada tahap RM704.4 bilion (-2.7% semenjak akhir Mac) dan jumlah purata urus niaga harian dalam tempoh tersebut juga lebih rendah pada tahap 378.6 juta unit.

Rizab antarabangsa meningkat lagi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia terus meningkat sebanyak RM8 bilion atau AS$2.1 bilion pada bulan Mac kepada RM195.1 bilion atau AS$51.3 bilion pada 31 Mac 2004. Peningkatan rizab pada bulan Mac disebabkan terutamanya oleh penghantaran pulang perolehan eksport yang mapan, aliran masuk dana portfolio dan pelaburan langsung asing yang lebih besar. Aliran keluar pada tempoh tersebut mencerminkan pembayaran import barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi, penghantaran pulang dividen dan pembayaran balik hutang luar negeri oleh sektor swasta. Paras rizab, pada akhir bulan Mac telah mengambil kira pelarasan suku tahunan kerugian penilaian semula tukaran asing yang berjumlah AS$421 juta. Rizab terus meningkat kepada RM204 bilion atau AS$53.7 bilion pada 15 April 2004, cukup untuk membiayai 7.7 bulan import tertangguh dan adalah 5.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Peningkatan rizab disebabkan terutamanya penghantaran pulang perolehan eksport yang mapan dan aliran masuk dana portfolio serta pelaburan langsung asing yang lebih besar

Tahap pinjaman tidak berbayar lebih rendah manakala tahap permodalan kekal tinggi

Pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun sebanyak RM0.5 bilion dan berserta jumlah pinjaman yang lebih tinggi, nisbah NPL bersih menjadi lebih rendah, iaitu sebanyak 6.7%. Sementara itu, nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras bagi sistem perbankan masing-masing menurun sebanyak 0.2 mata peratusan kepada 13.5% dan 10.9%, disebabkan terutamanya oleh jumlah aset berwajaran risiko yang lebih tinggi.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh							
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**Jan 04**	**Feb 04**	**Mac 04**
Modal (%)								
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.2	11.1	10.9
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.7	13.8	13.7	13.5
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	6.8	6.8	6.7
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,775	31,703	30,764	30,867	30,941	30,474
Peruntukan am / Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8

* Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam.

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) menurun sedikit kepada 6.7%



RWCR dan nisbah modal teras masing-masing menurun sedikit kepada 13.5% dan 10.9%

Bank Negara Malaysia
28 April 2004

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Jan 04		Feb 04		Mac 04	
	Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan
	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari						
Wang rizab	49.7	3.8	47.3	8.9	47.0	9.0
M1	103.6	11.3	103.4	15.8	105.9	19.8
M2	430.2	10.5	433.0	11.0	439.7	12.6
M3	554.8	8.9	560.7	9.7	568.7	10.7
Sistem Perbankan						
Jumlah deposit	554.0	9.1	562.2	9.6	573.4	10.9
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)	475.6	4.6	477.2	5.1	479.1	5.7
Nisbah pinjaman-deposit (%)		81.2		80.1		79.2
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		91.7		90.5		89.2
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)	17.2	-19.8	17.6	12.8	23.8	24.9
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)	9.7	-25.7	10.9	17.3	16.5	27.6
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)	39.5	3.8	32.8	19.7	42.6	21.6
Pinjaman yang dibayar (pada tempoh berkenaan)	38.7	4.3	32.9	17.4	40.9	14.5
Keadaan Sistem Perbankan						
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		13.8		13.7		13.5
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)		6.8		6.8		6.7
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)						
Rizab dalam RM (bilion)		181.3		187.1		195.1
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		47.7		49.2		51.3
Bilangan bulan import tertangguh		7.5		7.5		7.5
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]						
Antarabank: 1 bulan		2.99 [2.99]		2.98 [2.99]		2.97 [2.98]
3 bulan		2.89 [2.87]		2.85 [2.85]		2.85 [2.85]
Deposit tetap bank perdagangan: 1 bulan		3.00 [3.00]		3.00 [3.00]		3.00 [3.00]
3 bulan		3.00 [3.00]		3.00 [3.00]		3.00 [3.00]
BLR bank perdagangan		6.00 [6.00]		6.00 [6.00]		6.00 [6.00]
Harga						
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	105.0	1.0	105.1	0.9	105.0	1.0
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	143.4	2.7	146.8	4.4		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)						
Euro		4.7152		4.7297		4.6522
Paun Sterling		6.9018		7.0819		6.9667
100 Yen Jepun		3.5861		3.4703		3.6334
Dolar Singapura		2.2323		2.2311		2.2633
100 Baht Thai		9.6729		9.6594		9.6239
100 Peso Filipina		6.7827		6.7466		6.7580
100 Rupiah Indonesia		0.0450		0.0449		0.0442
100 Won Korea		0.3227		0.3227		0.3308
Pasaran Modal						
Dana bersih yang diperoleh dari sektor: awam		...		6.0		-0.5
swasta		2.0		0.3		-1.9
Indeks Komposit Kuala Lumpur (akhir tempoh)		818.9		879.2		901.9
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)		664.3		713.4		724.2

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.